

WARISAN KETARA SENI ISLAM TEMPATAN: MAHKOTA ATAP MASJID TRADISIONAL MELAKA

**(TANGIBLE ISLAMIC ART HERITAGE: ROOF CROWN OF THE
TRADITIONAL MOSQUES OF MALACCA)**

**Ros Mahwati Ahmad Zakaria; Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Rabiah
Abdul Rahman**

Abstrak

Seni bina merupakan warisan ketara bagi sesebuah wilayah Islam terutamanya seni bina masjid. Seni bina masjid tradisional Melaka mempunyai identiti tersendiri daripada segi rekaan bentuk bumbungnya. Asas bentuk bumbung som pecah empat yang dihiasi dengan sebuah mahkota dipuncaknya. Kehadiran mahkota atap di atas bumbung masjid tradisional Melaka menjadikan rekaan seni bina masjid itu sendiri unik dan sangat elegan. Namun begitu, mahkota atap ini telah diancam kepupusan kerana ada yang berpendapat bahawa ia bukan seni Islam dan tidak sesuai berada di bangunan masjid. Kenyataan ini sedikit sebanyak telah menjadi ancaman kepada kewujudan mahkota atap masjid tradisional Melaka. Beberapa buah masjid tradisional di daerah Alor Gajah dilihat telah kehilangan mahkota atapnya dan diganti dengan kubah kecil yang mempunyai bentuk bulan dan bintang di bahagian atas. Kefahaman tentang seni Islam dalam kalangan masyarakat Islam adalah sangat penting supaya warisan rekaan dan seni Islam tempatan tidak hilang disebabkan oleh kefahaman seni Islam yang sempit.

Kata kunci: Mahkota atap, masjid, Melaka, Islam, seni

Abstract

Architecture, especially mosque architecture, is a tangible heritage for an Islamic region. The architecture of traditional mosques in Malacca possesses its own identity due to its unique roof design. The basic roof design is known as "som pecah empat" and at the very top is an adornment that resembles a "crown". The presence of a "crown" on the rooftop of Malacca's traditional mosques makes the architecture truly unique and elegant. However, the very existence of the roof crown is under threat, because some believe it is not a form of Islamic art and is therefore inappropriate for mosques. These views have threatened the existence of the roof crown in Malacca's traditional mosques. In fact, several traditional mosques in Alor Gajah, Malacca have already lost their roof crowns, which have been replaced with small domes tipped with a crescent moon and star. Understanding of Islamic art among the Muslim community is crucial, so that heritage designs and local Islamic art will not disappear due to a narrow view of Islamic art.

Key words: Roof crown, mosque, Malacca, Islam, art

PENGENALAN

Masjid tua di Melaka bukan sahaja mempunyai nilai sejarah yang penting malah turut memperlihatkan gaya seni hiasan yang tersendiri. Keunikan terserlah apabila seni hiasan yang digunakan melibatkan lebih daripada satu medium dan juga gaya.

Kebiasaannya, masjid tradisional utama di Semenanjung Malaysia mempunyai hiasan yang diukir di atas kayu. Kayu merupakan bahan pembinaan utama yang kerap digunakan di alam Melayu dan selalunya digunakan secara keseluruhan dalam pembinaan masjid dan hiasan masjid seperti mahkota atap, buah buton, hiasan pintu dan tingkap. Tiga buah masjid tua di Melaka mempunyai hiasan di atas berbagai-bagai medium yang menghiasi bahagian dalam dan luar bangunan masjid. Setiap hiasan mempunyai gaya, warna dan motif yang tersendiri. Jenis medium ialah jubin berwarna dan berglis, kayu, kaca berwarna dan logam.

Hiasan diukir, dicetak atau dicat dan motif hiasan flora ialah daripada pelbagai jenis. Selain daripada motif flora, motif lain yang banyak digunakan ialah corak geometri dan kaligrafi. Pilihan motif-motif ini mungkin disebabkan oleh faktor agama, budaya dan seni tempatan di Melaka pada kurun ke-18 (Ros Mahwati 2009). Terdapat juga motif Belanda kerana Melaka pernah diperintah oleh Belanda pada abad ke 17 dan 18. (Ros Mahwati 2009).

Menurut Burckhardt (1976) pula:

Hubungan di antara kesenian Islam dan al-Qur'an adalah unik ia bukannya dalam bentuk al-Qur'an tetapi ia adalah hakikat, asal kejadian yang tidak mempunyai bentuk, dan lebih menjurus kepada pengertian tawhid, penyatuhan atau gabungan, dengan penglibatan penghayatan;memerlukan unjuran susunan visual sesetengah aspek atau dimensi ke-Esaan Tuhan.

Manakala menurut pengkaji tempatan, Zulkifli (2000):

Walaupun Islam menggalakkan umatnya mencipta pelbagai karya seni tetapi penciptaan itu mestilah tidak bercanggah dengan nilai dan hukum Islam. Beliau menambah, dalam Islam, keindahan adalah sesuatu yang bersifat ketuhanan seperti yang tercatat dalam hadis Nabi SAW "Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan dia suka kepada keindahan.

Oleh yang demikian, kebanyakan hiasan yang digunakan adalah berdasarkan keindahan ciptaan Allah SWT yang terdiri daripada benda tidak bernyawa seperti motif flora, bulan dan bintang, dan hiasan lain yang dilahirkan dalam bentuk geometri dan yang paling unik ialah ayat-ayat Al-Quran dalam hiasan bentuk seni kaligrafi yang indah. Di alam Melayu kebanyakan motif atau corak yang digunakan dalam seni hiasan bukan hanya sekadar hiasan semata-mata tetapi mempunyai maksud yang tersirat dan yang tersurat yang diilhamkan oleh seniman atau perekanya. Ini adalah bagi memastikan bahawa hasil seni hiasan itu tidak menjadi satu pembaziran idea, masa dan tenaga. Reka bentuk dan ragam hiasan yang indah dan bersesuaian dapat menjadikan masjid sebagai tempat yang paling sesuai untuk merenungkan kebesaran Allah SWT dan mencari ketenangan jiwa dan fikiran. Peranan masjid yang tidak terhad kepada ibadah solat sahaja, telah mendorong umat Islam menjadikan masjid sebagai tempat luahan kreativiti dalam bidang seni, menzahirkan kemahiran dan meluahkan rasa kecintaan kepada agama Islam yang dianuti.

Hiasan Masjid Dan Pengaruh Budaya Di Alam Melayu

Hiasan yang terdapat pada binaan-binaan Islam menggunakan pelbagai motif dan gaya hiasan. Motif-motif hiasan ini diletakkan dalam bentuk catan, ukiran, arca dan sebagainya adalah untuk tujuan kepercayaan, magis, penegasan atau nikmat tampak (Syed Ahmad Jamal 1981). Bagi motif hiasan masjid, ia selalunya dipilih supaya bersesuaian dengan ajaran Islam dan fungsi masjid sebagai tempat beribadat yang suci. Ia dikatakan mampu menyampaikan mesej tertentu tanpa kata-kata yang

khusus (Zulkefli Aini 2006). Menurut Zulkefli lagi, masjid yang cantik sama ada di bahagian luaran ataupun dalaman boleh menggambarkan bahawa Islam mengiktiraf kecantikan dan sekali gus menggambarkan Islam sebagai sebuah agama yang cantik daripada sudut lahiriah dan ma'awiyah.

Penyebaran Islam yang merentasi benua dan lautan telah mengalami beberapa pertembungan budaya yang pelbagai sama ada dengan tradisi tempatan ataupun agama terdahulu seperti Kristian, Hindu dan Buddha. Pertembungan ini menghasilkan beberapa persamaan nilai budaya dalam seni hiasan. Bagi Abdul Rahman Al-Ahmadi (1989), setiap bangsa di dunia mempunyai persamaan dalam seni hias, mungkin ini terjadi kerana difusi kebudayaan, tetapi mungkin pula persamaan itu terletak pada jiwa manusia yang menyebabkan fikiran yang sama. Setiap agama menganjurkan nilai-nilai moral yang positif kepada penganutnya yang kadang kala di lambangkan melalui sesuatu benda yang kemudiannya dianggap sebagai lambang sesuatu agama dan masyarakat. Di dalam Islam seni hiasan terutamanya bagi masjid mementingkan kesan yang boleh ditinggalkan oleh hiasan tersebut. Al-Faruqi (1989) menjelaskan fungsi dan kepentingan gaya hiasan serta struktur dan bentuknya, mendedahkan satu kecemerlangan turutan tujuan dan kesannya.

Prinsip agama Islam yang paling utama ialah ‘tauhid’ iaitu keesaan Allah SWT seperti yang dinyatakan dalam kalimah syahadah, “Bahawa Tiada Tuhan melaninkan Allah”. Oleh itu ciri utama yang dielakkan oleh Islam dalam pertembungan budaya seni hias ialah bentuk figura yang boleh menyekutukan Allah seperti yang terdapat di dalam agama Kristian iaitu bentuk lelaki yang disalib dan dikatakan sebagai nabi Isa, bentuk pertapa yang melambangkan Sirdhata Gautama Buddha yang mengasaskan agama Buddha dan beberapa bentuk haiwan yang mewakili dewa-dewa dalam agama Hindu seperti gajah yang melambangkan dewa Ganesa(Nik Hassan Shuhaimi 1998). Prinsip tauhid yang menjadi tunjang dalam kepercayaan umat Islam ini perlu diperingatkan kepada para penganutnya setiap masa dan di setiap tempat. Selain daripada al-Qur'an, seni hiasan dilihat sebagai medium pilihan terbaik untuk tujuan ini (Al-Faruqi 1989) terutama sekali di masjid. Makna bentuk dan seni hiasan bangunan di alam Melayu amat dititik beratkan dalam proses pembinaan. Ini dapat dilihat dalam beberapa ungkapan-ungkapan Melayu lama yang digunakan oleh Djauhari (1989) dan Abdul Rahman (1989) seperti di bawah:

“Disucikan dahulu tanah sekitar
Barulah tiang-tiang mantap terpancang
Serta teratur rapi rangka dibangun
Dinding menutup dan atap pun menyahut

Indah sangat ragam hiasan diukir
Beraneka pola warnapun dilukis
Do'a dibaca agar rumah sempurna
Selamat penghuni; kayalah Budaya!”
“Hati-hati membelah buluh
Dalam buluh ada ulat
Hati-hati memilih ulat
Dalam ulat ada sengat
Hati-hati mengkaji tubuh
Dalam tubuh ada sifat
Hati-hati mengkaji sifat
Dalam sifat ada zat”

Alam Melayu yang menerima agama Islam selepas kedatangan agama Hindu dan Buddha tidak terkecuali daripada mengalami pertembungan budaya seperti di atas. Sesuatu budaya baru tidak menggantikan budaya yang sedia ada secara keseluruhan kerana budaya selalunya mempunyai ciri kesinambungan dan perubahan hasil pertembungan dengan budaya luar setelah berlakunya penyesuaian serta tokok tambah daripada apa yang sudah dimiliki (Mohd Taib 1988). Begitu juga dengan seni bina masjid yang didirikan oleh kerajaan Islam selepas kejatuhan kerajaan Hindu yang masih jelas memperkenan ciri-ciri kesenian dan kebudayaan Hindu Jawa (Mohd Zariat 2005). Penerimaan ini jelas menunjukkan ciri toleransi agama Islam dalam hal-hal yang tidak bertentangan

dengan ajaran tauhidnya. Kelangsungan seni bina Hindu seperti bentuk Meru yang digunakan dalam pembinaan masjid Nusantara dianggap menarik oleh Siti Zainon (1987) kerana bentuk Meru popular dalam kalangan orang Melayu terutamanya di Bali yang mempercayai Raja Melayu berasal dari takhta puncak Mahameru atau Bukit Siguntang. Selain pengaruh agama Hindu, pengaruh agama Buddha juga turut ditemui. Penggunaan motif Bunga teratai (*Nelumbo Nucifera*) contohnya telah menjadi sumber ilham yang penting (Haziyah 2006) walaupun ia merupakan salah satu daripada lambang agama Buddha yang bermaksud kesucian.

Motif hiasan di alam Melayu yang mengalami proses Islamisasi telah dihasilkan melalui pengamatan yang rapi terhadap persekitaran, penzahiran dalam pelbagai bentuk pola sehingga menjadi satu warisan bangsa yang sungguh bernilai (Zulkifli 2000). Hiasan yang bercorak Islam ini telah mengubah pemilihan hasil motif daripada kehidupan yang dipengaruhi oleh agama Hindu (Haziyah 2006). Bagi bentuk makhluk bernyawa yang dilarang di dalam ajaran Islam, masyarakat Melayu telah mengadaptasikan motif bernyawa yang diwarisi daripada pengaruh Hindu yang digunakan dalam rekaan motif telah diubah dan diabstrakkan supaya tidak menyerupai haiwan (Haziyah 2006). Sebagai contoh, bentuk naga telah diabstrakkan menjadi motif sulur bayung supaya selari dengan hukum Islam dalam seni hias (Siti Zainon 1987). Ada juga motif-motif haiwan ini yang digunakan dengan memfokuskan kepada bahagian-bahagian tertentu haiwan seperti siku keluang, taji ayam, gigi yu, kepala cicak dan itik pulang petang.

Mahkota Atap Masjid Tradisional Melaka

Gaya seni bina masjid di negeri Melaka juga dapat dikenali dengan beberapa cirinya yang amat penting dan ketara. Bermula daripada hiasan bahagian paling atas atau puncak yang dikenali dengan beberapa nama seperti kepala som (Nash 1998), hiasan kemuncak (Perbadanan Muzium Melaka 1993) dan mahkota atap (Abdul Halim 2004). Bahagian ini juga di kenali dengan berbagai nama di negara jiran seperti mustaka di Cirebon dan puncak di Sunda (Abdul Halim 2004). Bagi masjid di Melaka hiasan kemuncak ini diperbuat daripada karang laut yang dicampur dengan telur bagi menggantikan simen dan kemudiannya diukir dalam bentuk bertingkat sama ada tiga atau empat tingkat. Biasanya hiasan ini berbentuk seperti stupa(Nash 1998).



Gambar 1. Mahkota di puncak bumbung Masjid Tengkera

Selepas hiasan kemuncak, bahagian bumbung masjid juga merupakan ciri penting masjid di Melaka. Seperti yang dinyatakan di awal tadi bahan yang digunakan untuk bahagian bumbung masjid-masjid yang terawal terdiri daripada nipah dan rumbia kemudian ia beralih kepada bahan yang lebih tahan lama seperti genting seramik Cina dan Belanda. Menurut Abdul Halim Nasir (2004) “*in the early mosques were incorporated some interesting architectural elements such as the meru or mountain shaped roof and the layered roof the four pyramidal roof and the crown shaped roof*”. Beliau menambah, ‘Mosque

of Malay World styles are known by various names; such as the som pecah empat style in Melaka. The word som means ridge or roof ridge; thus it is also referred to as the four sided ridge". Bentuk bumbung ini dikenali sebagai atap tumpang (Abdul Halim 2004) atau bumbung tangkup tiga tingkat (Nash 1998) yang menjadi bukti kesinambungan gaya seni bina Hindu Buddha yang kuat di rantau ini sebelum kedatangan Islam(Abdul Halim 2004). Bumbung sebegini adalah bagi membolehkan peredaran udara yang segar di dalam bangunan bersesuaian dengan cuaca (Nash 1998) panas dan lembap sepanjang tahun Nusantara yang terletak di garisan Khatulistiwa. Bahagian bumbung ini diperindah lagi dengan hiasan di bahagian hujung empat banir bumbung. Ia diperbuat daripada bahan yang sama dengan mastaka. Sebagai contoh dalam tahun 1910, hiasan bumbung di Masjid Tengkera telah ditambah dengan hiasan yang seakan-akan dengan hiasan bumbung tokong(Abdul Halim 2004). Dalam satu kajian, hiasan-hiasan ini dikatakan sebagai gaya oriental yang terdapat pada motif dan seni hiasan bangunan seperti hiasan melengkung di hujung banir bumbung, dan hiasan seperti mahkota di atas atap yang serupa dengan ciri-ciri seni bina agama Buddha(Abdul Halim 2004).


Namun, daripada kajian Abdul Halim ini tidak dinyatakan apakah ciri seni bina Hindu Buddha yang dimaksudkan. Jika dibandingkan rekaan mahkota atap masjid tradisional Melaka ini dengan atap bangunan ibadah agama Hindu di India dan rumah ibadah agama Buddha di India dan China, ia tidak mempunyai rekaan yang digunakan di masjid tradisional Melaka ini. Bagi kajian ini, rekaan mahkota ini juga turut dibandingkan dengan rekaan seni bina rumah ibadah Hindu dan Buddha di Melaka khususnya namun ia juga tidak mempunyai persamaan tetapi bila dilihat semula dalam seni bina Melayu Nusantara ia ditemui di Indonesia.

Di Indonesia, mahkota atap seperti ini diberi nama wuwungan. Perkataan wuwungan berasal daripada perkataan wuwung yang membawa maksud atas dari atap rumah. Ia mempunyai beberapa saiz dan bentuk mengikut bentuk bumbung yang menjadi tempat letak mahkota. Jenis wuwungan ini diberikan beberapa nama yang mengandungi maksud simbolik atau falsafah seperti contoh, pari atau padi yang membawa maksud kemakmuran, kipas membawa maksud nyaman, ayam jagoh membawa maksud hebat dalam semua perkara yang dilakukan dan akhir sekali gunungan yang membawa maksud ketenangan zahir batin dan mendapat perlindungan Yang Maha Esa. Oleh yang demikian itu, mahkota atap masjid tradisional Melaka adalah satu elemen seni bina alam Melayu yang dihasilkan daripada kebijaksanaan masyarakat Melayu Nusantara memerhati dan menggunakan persekitaran dalam kehidupan mereka.

Analisis Bentuk Mahkota Atap Masjid Tradisional Melaka

Sesuai dengan gelaran yang diberikan bagi hiasan di puncak masjid ini, ia mempunyai pelbagai bentuk menarik yang memperlihatkan kreativiti juru bina masjid tradisional ini mengadun ajaran Islam dan warisan budaya masyarakat setempat yang telah lama berada dalam hidup mereka. Secara amnya, setiap mahkota atap masjid mempunyai bahagian asas yang berbentuk segi empat. Ini adalah bagi memastikan kestabilan rekaan mahkota dan sambungan dengan bahagian bumbung. Dalam kajian ini, tujuh bentuk mahkota masjid yang dapat didokumentasikan ialah dari Masjid Tengkera, Masjid Kampung Keling, Masjid Kampung Hulu, Masjid Klebang Besar, Masjid Bukit China, Masjid Kampung Paya Datok dan Masjid Tanjung Keling.

Secara amnya, mahkota atap masjid tradisional Melaka terdiri daripada beberapa ciri utama seperti terletak di bahagian paling atas atap atau bumbung masjid, berbentuk piramid, asas berbentuk segi empat, bertingkat dan mempunyai hiasan di setiap sudut.



Gambar 2. Ciri-ciri mahkota atap masjid



Gambar 3. Mahkota Masjid Klebang Besar

Mahkota atap Masjid Klebang Besar mempunyai rekaan setinggi empat tingkat yang sangat unik. Setiap tingkat mempunyai empat penjuru yang berhias dengan motif sesulur. Mahkota yang mempunyai asas bentuk segi empat ini kemudiannya ditindih dengan rekaan bentuk tiga dimensi

dan berongga seperti sebuah piala yang tinggi dan mempunyai rekaan yang semakin runcing atau mengecil saiznya mengikut ketinggian mahkota.




Gambar 4. Masjid Tanjung Keling

Mahkota masjid yang kedua ialah mahkota atap Masjid Kampung Keling. Mahkota ini mempunyai rekaan seperti pasu di bahagian bawah yang menjadi asas kepada mahkota lima tingkat ini. Pasu turut diperincikan dengan motif hiasan bulan sabit di bawah bintang pecah lima. Rekaan di bahagian atas berbentuk tiga dimensi dan berongga seperti rekaan mahkota pertama.



Gambar 5. Mahkota Masjid Al-Hamidi, Bukit China

Mahkota atap Masjid Al-Hamidi, Bukit China mempunyai sedikit persamaan dengan mahkota Masjid Klebang Besar terutamanya daripada tingkat tiga hingga lima. Bahagian paling atas dalam rekaan ini menggunakan bentuk segi tiga manakala di bahagian bawahnya bentuknya ringkas tetapi menggunakan potongan yang kemas.



Gambar 6. Masjid Kampung Keling

Mahkota atap Masjid Kampung Keling mempunyai rekaan yang paling cantik disebabkan oleh perincian yang digunakan bagi memperindahkan lagi mahkota masjid. Berbeza dengan tiga bentuk mahkota yang awal, mahkota masjid ini tidak mempunyai hiasan sudut di tingkat lain kecuali di tingkat dua. Bahagian kakinya diukir dengan motif timbul bunga teratai dan awan larat yang biasa digunakan dalam budaya masyarakat Cina. Dua lapis kelopak bunga teratai turut diukir sebagai alas kepada tingkat tiga.



Gambar 7. Masjid Kampung Hulu

Lokasi Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling yang berhampiran turut memperlihatkan persamaan daripada segi rekaan mahkota atap masjid yang digunakan. Perbezaan yang ketara ialah ketiadaan perincian bunga teratai dan awan larat gaya Cina yang digunakan di mahkota atap Masjid Kampung Keling.



Gambar 8. Masjid Tengkera

Mahkota atap Masjid Tengkera merupakan antara rekaan mahkota atap yang cantik. Ia merupakan mahkota dengan tiga tingkat rekaan. Tingkat dua ialah rekaan tiga dimensi berongga yang mempunyai perincian sulur bayur, hiasan sudut dan beralaskan kelopak bunga teratai. Tingkat tiga unik kerana menggunakan rekaan daripada logam berbentuk glob dengan sepasang bentuk bulan sabit di sebelah kanan dan bintang pecah lima di sebelah kiri.



Gambar 9. Masjid Kampung Paya Datuk

Mahkota atap Masjid Kampung Datuk mempunyai rekaan yang berbeza berbanding mahkota atap masjid di kawasan Melaka Tengah. Ia hanya mempunyai tiga tingkat ringkas dengan hiasan sudut yang berbentuk seperti senduk atau tangan.

Kelangsungan Warisan Seni Mahkota Atap Masjid Tradisional Melaka

Mahkota atap masjid di negeri Melaka merupakan satu gaya hiasan masjid unik yang tidak ditemui di negeri lain. Ia terhasil daripada kebijaksanaan masyarakat Islam tempatan di Melaka yang menjunjung ajaran Islam yang dianuti dan menghargai warisan budaya yang mereka warisi. Namun begitu, warisan kesenian ini bukan sahaja telah tidak digunakan lagi malah mahkota atap yang sedia ada turut menghadapi kemungkinan digantikan.

Hampir kesemua masjid baru yang dibina di Melaka menggunakan pendekatan di mana lokasi mahkota atap ini digantikan dengan bentuk kubah kecil yang mempunyai bentuk bulan dan bintang di puncaknya seperti yang ditunjukkan dalam gambar di bawah. Tetapi sebuah masjid baru yang terletak di pinggir pantai dan dikenali sebagai Masjid Selat dilihat menggunakan rekaan mahkota atap masjid sebagai pelengkap kepada seni bina masjid yang kontemporari ini.



Gambar 10. Masjid Selat



Gambar 11. Mahkota atas Masjid Kampung Paya Datuk yang baru.

Secara keseluruhannya, bentuk kubah kecil ini tidak bersesuaian dengan bentuk atap atau bumbung masjid yang bertingkat rabung pecah empat. Ia seolah-olah bahagian seni bina lain yang diambil dan diletakkan di bahagian atas atap masjid.



Gambar 12. Mahkota atap Masjid Umbai.

KESIMPULAN

Mahkota atap masjid tradisional Melaka merupakan satu daripada warisan kesenian Islam alam Melayu. Ia adalah unik kerana rekaannya menggabungkan konsep keindahan yang ditekankan dalam Islam mengikut peraturan perhiasan Islam di mana tiada penggunaan motif figura. Masyarakat Islam tempatan di Melaka yang menghasilkan rekaan mahkota atap ini memperlihatkan tahap kefahaman agama yang mereka anuti, meraikan keindahan warisan dan memperkayakan identiti Islam sebagai agama yang universal. Ia merupakan pelengkap kepada gaya bahagian bumbung masjid tradisional yang dikenali sebagai bumbung tangkup tiga tingkat atau som pecah empat ini. Mahkota atap masjid tradisional Melaka boleh diangkat sebagai identiti unik seni bina masjid di alam Melayu amnya dan di Malaysia khususnya.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 2004. *Mosque architecture in the Malay World*. Terj. Omar Salahuddin Abdullah. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. 1989. Ragam hias tradisi. *Jurnal Budaya* (1): 100-113.
- Burckhardt, Titus. 1976. *Art of Islam: Language and Meaning*. Peter Hobson (Penterjemah). London: Islamic Festival Trust Ltd.
- Djauhari Sumintardja. 1989. Catatan tentang makna bentuk dan hiasan seni bangunan di Nusantara. *Jurnal Budaya* (1): 70-98.
- Al-Faruqi. Lois Lamya. 1989. Ornamentation in the Islamic arts its functions and structures. *Jurnal Budaya* (1): 186-198.
- Haziyah Hussin. 2006. *Motif alam dalam batik dan songket Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zariat Abdul Rani. 2005. Antara Islam dan Hinduisme di Alam Melayu: Beberapa catatan pengkaji Barat. *Sari* 23: 67-82.
- Nash Rahman. 1998. *Masjid pembentukan dan pembinaan masjid-masjid dunia Malaysia dan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Puncak Awal.
- Nik Hassan Shuhaimi Abdul Rahman. 1998. *The encyclopedia of Malaysia – early kingdoms* (Vol. 4). Singapura: Archipelago Press.
- Perbadanan Muzium Melaka. 1993. *Senarai Pewartaan Masjid-Masjid Warisan di Negeri Melaka*. Melaka: PMM. [Senarai yang tidak diterbitkan].

- Ros Mahwati, Ahmad Zakaria. 2009. Motif Hiasan Tiga buah Masjid abad ke-18. Tesis Sarjana, Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Islam Malaysia.
- Siti Zainon Ismail. 1987. Seni Cipta Malaysia-Indonesia Satu Tanggapan Sastera dalam Seni Budaya Nusantara. *Sari* (5): 121-132.
- Syed Ahmad Jamal. 1981. Seni rupa dan seni bina. Kertas kerja *Seminar Ke Arah Identiti Dalam Senibina*. Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, 20-23 Januari.
- Zulkefli Aini. 2006. Pengurusan komunikasi masjid berkesan satu tinjauan terhadap penggunaan komunikasi tanpa lisan di kalangan ahli jawatankuasa masjid. *Jurnal Pengajian Islam* (1): 43-55.
- Zulkifli Hanafi. 2000. *Pola-Pola Hiasan di Dalam Bangunan Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ros Mahwati Ahmad Zakaria, (PhD)
Research Fellow
Institute Of Malay World & Civilization
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: rosmahwati@ukm.edu.my

Siti Nor Azhani Mohd Tohar, (PhD)
Lecturer
Centre of Core Studies & Faculty of Al-Qur'an & Sunnah Studies,
Universiti Sains Islam Malaysia,
78100 Nilai, Negeri Sembilan
Email: azhanitohar@usim.edu.my

Rabiah Abdul Rahman
Centre of Core Studies & Faculty of Al-Qur'an & Sunnah Studies,
Universiti Sains Islam Malaysia,
78100 Nilai, Negeri Sembilan
Email: rabiah@usim.edu.my

Received : 26 November 2017
Accepted : 21 February 2018